

Tanah dihakis pelombong pasir

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida.idros@kosmo.com.my

ALOR SETAR – Seorang imam mendakwa tanah miliknya di tebing Sungai Padang Terap di sini semakin terhakis berikutan kerja-kerja menyedut pasir yang dilakukan oleh sebuah syarikat sejak Mac tahun lalu.

Abdul Khodir Hamzah, 67, dari Kampung Empa, Pokok Sena itu mendakwa, aktiviti menyedut pasir itu dijalankan hampir setiap hari.

“Saya tidak boleh berdiam diri lagi memandangkan aktiviti sedut pasir yang dijalankan tidak jauh dari rumah saya ini seperti tidak berkesudahan. Jika saya membiarkan begitu sahaja, lebih banyak tanah saya terjejas,” ceritanya ketika ditemui di Kampung Empa di sini semalam.

Dakwanya, meskipun syarikat melombong pasir itu mendapat kebenaran melombong daripada Pejabat Tanah Kubang Pasu tetapi kerja-kerja tersebut telah melangkaui sempadan daerah Kota Setar.

“Lot tanah saya berada di da-



ABDUL KHODIR menunjukkan sebahagian tanah miliknya yang terhakis akibat kerja-kerja menyedut pasir di Sungai Padang Terap, Alor Setar semalam.

erah Kota Setar yang mana sempadannya dibezakan oleh Sungai Padang Terap ini,” ujarnya.

Kata Abdul Khodir, dia telah membuat aduan mengenai perkara itu kepada Pejabat Tanah Kubang Pasu dan Kota Setar namun belum mendapat maklum balas sehingga hari ini.

“Saya juga telah buat laporan polis mengenai kejadian ini pada Mei tahun lepas,” jelasnya.

Menurut beliau, perancangan-

nya untuk menternak lembu di kawasan tanah lapang miliknya itu juga terpaksa dilupakan buat sementara waktu kerana khuatir aktiviti perlombongan tersebut terus mengakibatkan hakisan.

Dalam pada itu, jurucakap Pejabat Tanah Kubang Pasu berkata, pihaknya telah menerima aduan berhubung aktiviti menyedut pasir di Sungai Padang Terap dan masalah itu kini dalam perhatian dan tindakan pihaknya.



JENTERA penyedut pasir yang beroperasi di Sungai Padang Terap, Alor Setar semalam.